

22 SEP 2000
Osu-Pelarian

KENYATAAN PERDANA MENTERI MENGENAI PELARIAN PERANG REDAKAN KERESAHAN

KOTA KINABALU, 22 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Osu Sukam berkata kenyataan Perdana Menteri mengenai status pelarian perang bagi rakyat Filipina yang mengelak daripada serangan tentera di selatan negara itu, meredakan keresahan rakyat Sabah yang bimbang kemungkinan kemasukan mereka ke negeri ini.

Tidak kira (sama ada) mereka ini anggota kumpulan pemisah atau tidak, mereka yang datang akan dikategorikan sebagai pelarian perang, katanya hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa rakyat Filipina yang lari itu akan dilayan sebagai pelarian perang.

Perdana Menteri ketika itu ditanya mengenai dasar kerajaan dalam menghadapi kemungkinan penduduk selatan Filipina memasuki Malaysia kerana melarikan diri ekoran serangan tentera negara itu terhadap tempat persembunyian kumpulan pemisah di Pulau Jolo.

Gerakan ketenteraan itu dilancarkan pada Sabtu atas arahan Presiden Joseph Estrada untuk membebaskan 17 mangsa culik yang dilaporkan ditahan oleh kumpulan itu di pulau berkenaan, termasuk tiga rakyat Malaysia yang diculik dari Pulau Pandanan, Sabah pada 10 Sept.

Osu berkata kerajaan negeri akan menangani kemungkinan itu berdasarkan norma-norma yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

"Keadaan ini (penerimaan pelarian perang) berbeza dengan status pendatang tanpa izin yang ada di negeri ini," katanya.

Osu berkata pengwujudan penempatan pelarian perang akan memerlukan perbelanjaan yang besar, oleh itu kerajaan negeri akan berbincang dengan pihak berkuasa keselamatan dan kerajaan pusat mengenai perkara itu.

"Ini dibuat berdasarkan kepada andaian sahaja kalau mereka (pelarian perang) datang ke sini akibat apa yang berlaku di negara jiran," katanya.

Osu sebelum itu melancarkan kempen derma darah bagi membantu pesakit Thalassaemia anjuran bersama Persatuan Wartawan Sabah, Sabah Shell Petroleum Co Ltd dan Shangri-La's Tanjung Aru Resort.

Dalam ucapannya beliau merayu orang ramai supaya memberikan kerjasama dan berharap sasaran untuk mengumpul 700 pain darah sempena kempen itu akan dicapai.

-- BERNAMA
NT RON